

**RM5.50 Bagi Setiap Saham Proton harga Patut, Kata Khazanah Nasional
Bernama
18 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Pengarah Khazanah Nasional, Tan Sri Azman Mokhtar, Rabu menyifatkan tawaran RM5.50 bagi setiap saham Proton oleh DRB-Hicom Bhd sebagai harga yang berpatutan dan unit pelaburan kerajaan itu meraih keuntungan sederhana daripada penjualan itu.

Isnin minggu ini Khazanah mengumumkan bahawa ia menjual 42.74 peratus kepentingan dalam Proton kepada DRB-Hicom pada harga RM5.50 sesaham.

Pada satu sidang akhbar hari ini, Azman berkata kos pelaburan bagi setiap saham Proton bukanlah RM8 seperti yang dilaporkan dengan meluas di akhbar-akhbar.

"Kos itu jauh lebih rendah daripada harga tawaran RM5.50," katanya, sambil menambah bahawa itu adalah "harga berpatutan" memandangkan hakikat bahawa harga saham Proton semakin turun dan berada di bawah paras RM3 sesaham sebelum pengambilalihan itu.

"Aspek kewangan bukanlah satu-satunya faktor yang kami pertimbangkan kerana kami mahu memastikan pembeli mempunyai wang yang cukup untuk membuat tawaran am serta menyuntik dana ke dalam Proton untuk memacu pertumbuhan selanjutnya dalam syarikat itu," katanya.

Azman juga berkata DRB-Hicom mempunyai rekod pencapaianan perikatan yang baik dengan peserta-peserta global.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640995>